

26/02/1999

Dasar penggabungan industri kewangan kekal

KERAJAAN tetap mengekalkan dasar penggabungan untuk industri kewangan tempatan walaupun beberapa rundingan penggabungan menemui kegagalan baru-baru ini, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

Menurutnya, kegagalan seumpama itu di dalam perbincangan mengenai penggabungan serta tidak menepati jadual, memang diduga dan hakikat ini harus diterima apatah lagi dalam keadaan kegawatan sekarang.

"Tetapi dasar (penggabungan) kita kekal. Kita mengalok mereka untuk bergabung tetapi sudah pasti dalam beberapa kes kita tidak berupaya mendesak setegas yang dikehendaki.

"Namun, rekod mengenai penggabungan Malaysia adalah amat berjaya walaupun ada kegagalan dalam perbincangan penggabungan di kalangan beberapa syarikat kewangan baru-baru ini," katanya selepas menyampaikan ucapan utama pada Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia 1999 di Kuala Lumpur, semalam.

Seminar dua hari itu dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli). Turut hadir Presiden Asli, Mirzan Mahathir.

Baru-baru ini, Malaysia United Merchant Group Bhd (UMGB) mengumumkan anak syarikat milik penuhnya, United Merchant Finance Bhd (UMFB) menggugurkan rancangan mengambil alih tiga syarikat kewangan lain.

Ia menyatakan UMFB sudah menamatkan perbincangan untuk membeli keseluruhan ekuiti Delta Finance Bhd, Interfinance Bhd dan BBMB Kewangan Bhd. Tiada alasan diberi tetapi syarikat keempat, Perdana Finance masih berbincang mengenai penggabungan dengan UMFB.

UMFB antara enam syarikat induk kewangan dipilih Bank Negara untuk menerajui penggabungan itu yang diusahakan awal tahun lalu. Selain penggabungan itu, 10 syarikat kewangan dan empat firma kewangan milik asing akan diserapkan dalam kumpulan masing-masing.

Mustapa berkata, kini jumlah syarikat kewangan semakin mengecil dengan beberapa syarikat kewangan milik bank berjaya diserapkan ke dalam syarikat induk perbankan itu masing-masing sambil menyifatkannya sebagai memberangsangkan.

"Ini satu perkembangan positif. Sudah ada satu atau dua penggabungan yang berjaya dilaksanakan seperti dilaporkan akhbar dan ini dirancang dengan baik. Kita akan terus memberi galakan ke arah penggabungan," katanya.

(END)